

SEKATAN PERJALANAN SEMASA PANDEMIK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bagi tujuan masuk ke Negara Brunei Darussalam,

1. **Semua warganegara asing adalah tidak dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam** melalui mana-mana pintu masuk ke negara ini (termasuk untuk tujuan transit) sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
 - i) Pertimbangan-pertimbangan khas hanya diberikan kepada urusan-urusan yang menyumbang kepada menjaga kepentingan dan menjamin kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
 - ii) Mana-mana urusan melalui Pos-pos kawalan imigresen, melibatkan syarikat-syarikat pengangkutan yang membawa masuk barangan ke Negara Brunei Darussalam seperti barang-barang asasi termasuk bahan makanan, sayur-sayuran, ikan, bekalan perubatan (*medical supplies*) dan seumpamanya adalah dikecualikan daripada proses mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Dalam masa yang sama, barang-barang yang dibawa masuk hendaklah mematuhi syarat-syarat dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan agensi-agensi Kerajaan lain yang mengawalinya.

[Sila rujuk kenyataan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 23 Mac 2020 dan kenyataan Kementerian Kesihatan pada 24 Mac 2020]

Bagi tujuan meninggalkan Negara Brunei Darussalam,

2. **Bermula daripada 16 Mac 2020, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah ditegah dari keluar negara,** kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti mendapatkan rawatan perubatan yang mendesak, menghadiri perbicaraan mahkamah atau menyambung sesi pengajian di luar negara, ini pun tertakluk kepada kebenaran Jabatan Perdana Menteri. Sebarang permohonan berhubung dengan perkara ini boleh dihadapkan melalui e-mel kepada travelapplication@jpm.gov.bn, dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen dukungan (*scanned copies*).

[Sila rujuk kenyataan Kementerian Kesihatan pada 15 Mac 2020]

3. Bermula 20 Mac 2020, semua penumpang yang tiba di Negara Brunei Darussalam melalui mana-mana pintu masuk ke negara ini adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri secara serta merta selama 14 hari di pusat-pusat pemantauan yang telah dikenalpasti sebaik saja tiba di negara ini.
 - i) Pengasingan diri di rumah persendirian adalah tidak dibenarkan.
 - ii) Ini adalah merangkumi pelawat-pelawat dan pekerja-pekerja asing yang tiba ke negara ini.
 - iii) Semua warga asing termasuk pekerja asing yang tiba di negara ini adalah dikehendaki untuk menanggung sepenuhnya kos pembayaran pengasingan diri tersebut (termasuk kos penginapan dan makan minum) dan kos ujian makmal bagi SARS-CoV-2 sebanyak \$1000 bagi satu ujian.

- iv) Kemasukan pekerja asing hendaklah dengan menghadapkan permohonan khas kemasukan pekerja asing sebelum tiba di Negara Brunei Darussalam.

[Sila rujuk kenyataan Kementerian Kesihatan pada 19 Mac 2020, 20 Mac 2020, 4 April 2020, 7 April dan 16 April 2020]